



**Essay Writing Competition – Malaysia Prihatin: Tanggungjawab kita sebagai rakyat  
Malaysia**

**Name: Jeffrey Quek Shue Yew**

**Student ID: 1191303043**

---

Dirgahayu negaraku Malaysia yang ke-64 tahun.

Patriotisme amat penting kepada rakyat setiap negara. Ia bukan sekadar luahan perasaan, tetapi menuntut penghayatan setiap warganegara. Dalam konteks Malaysia, patriotisme perlu ada pada diri setiap rakyat Malaysia. Ini kerana, kemerdekaan yang kita kecapai bukan dicapai dalam masa singkat. Sebaliknya, berlangsung dalam suasana dramatik dan tidak harus dilupakan bagi mengekalkan kesinambungan kemerdekaan dicapai. Semangat patriotisme terhadap negara tidak sewajarnya timbul hanya dalam perjuangan menuntut kemerdekaan atau apabila negara berada dalam ancaman musuh semata-mata. Dalam keadaan aman umpamanya, semangat patriotisme seharusnya menjadi pendorong setiap rakyat yang cintakan negaranya, untuk bekerja dan berusaha bersungguh-sungguh bagi membangun dan memajukan negaranya. Semangat patriotisme lebih penting kepada negara pada masa kini. Ini kerana negara didiami rakyat berbilang agama, bangsa dan ideologi politik yang begitu ketara. Jika rakyat meletakkan semangat perkauman, kefahaman ideologi politik atau parti politik lebih utama daripada negara, tentulah pembangunan dan kemajuan tidak akan dapat dicapai. Oleh itu dalam situasi masyarakat sebegini, keperluan semangat patriotisme dalam kalangan rakyat begitu penting. Semangat patriotisme akan menghalang rakyat Malaysia bersikap prejudis terhadap mana-mana kaum, agama mahupun ideologi parti yang berbeza dengan mereka. Sememangnya perpaduan antara kaum di Malaysia teras kepada kelangsungan sesebuah negara itu. Dalam suasana masyarakat majmuk di Malaysia ini sebagai rakyat yang mempunyai semangat patriotisme, mereka perlu memikirkan

tentang masa depan, survival bangsa Malaysia dan perlu dijadikan sebagai wahana dalam mengecapi kehidupan lebih bermakna.

Dalam usaha Malaysia mengejar pengiktirafan sebagai 'negara maju', sudah pasti tidak terkira aral yang bakal melintang untuk mendapat gelaran yang begitu signifikan ini. Namun mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohamad pernah berkata 'Sesungguhnya bangsa yang berjaya ialah bangsa yang rajin dan sanggup menghadapi cabaran hidup'. Hal ini menunjukkan bahawa jika rakyat tidak menanam jati diri yang kukuh lagi utuh, nescaya kita akan dilihat sebagai sasaran yang mudah oleh kuasa Barat yang rakus. Oleh itu, kita hendaklah memahami dan melaksanakan tanggungjawab setiap rakyat Malaysia dengan penuh komitmen untuk memacu pembangunan Negara. Kita haruslah keluar daripada kepompong yang mengongkong kita untuk berfikiran secara kritis dan kreatif. Oleh yang demikian, semua rakyat memainkan tanggungjawab mustahak ke arah kesejahteraan negara.

Sebagai rakyat Malaysia, kita sangat bertuah kerana dapat hidup dengan harmoni walaupun negara kita mempunyai rakyat yang berbilang kaum, agama dan kepercayaan. Oleh itu, kita mesti mengekalkan keharmonian hidup ini dengan bersatu padu tanpa mengira agama atau keturunan kerana kita merupakan bangsa Malaysia yang mempunyai persamaa dari segi latar belakang sejarah. Peristiwa hitam 13 Mei 1969 haruslah dijadikan sempadan kerana sekiranya kita berpecah-belah, maka igauan ngeri itu mungkin akan berulang. Amalan 'serumpun bagai serai, seliang bagai buluh' patut diteruskan agar kita mampu menangkis segala anasir luar yang cuba mencero boh dan menghancurkan negara bangsa yang telah kukuh terbina semenjak Empayar Kesultanan Melayu Melaka lagi. Sebagai contoh, isu sensitif seperti hak istimewa orang Melayu dan bumiputera tidak wajar diungkit kerana hal tersebut telah termaktub dalam perlembagaan negara kita yang telah dipersetujui oleh wakil pemimpin pelbagai kaum semasa Suruhanjaya Reid membuat tinjauan di ambang kemerdekaan negara lagi. Oleh itu, kita perlu saling menghulurkan bantuan apabila ada rakyat Malaysia yang ditimpa musibah tanpa mengambilkira warna kulit mahupun agama. Tidankan tegas pemimpin negara kita yang menentang Dasar Aperteid di Afrika membuktikan bahawa negara kita menentang eksploitasi hak asasi manusia berdasarkan perbezaan warna kulit. Jadi, kita perlulah megekalkan kesatuan ini dan hidup bersatu padu bagi menjamin kedaulatan negara kita.

Selain itu, sebagai rakyat Malaysia, kita haruslah sentiasa menjalin perpaduan yang erat antara satu sama lain. Sepanjang 64 tahun setelah merdeka, negara kita banyak mengalami pelbagai cabaran dalam perbangunan negara bangsa. Isu perpaduan telah dikenal pasti sebagai elemen yang signifikan ke arah mewujudkan masyarakat Malaysia yang unggul. Oleh sebab itu, seni kata "rakyat hidup besatu dan maju" dimasukkan dalam lirik lagu 'negaraku'. Rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai ras, bangsa, agama dan budaya perlulah memecahkan tembok perbezaan kaum antara satu sama lain demi membentuk perpaduan, bak kata pepatah "bersatu teguh bercerai roboh". Kita haruslah mengetepikan segala isu sensitif yang mampu meranapkan peradaban bangsa dan menjalin silaturahim yang erat bersama-sama rakyat lain. Contohnya, amalan rumah terbuka dan aktiviti kemasyarakatan seperti gotong royong merupakan saluran yang efektif untuk menyemai benih perpaduan. Melalui rumah terbuka, kita dapat bergaul mesra dengan kaum lain sempena hari perayaan masing-masing, disamping memahami budaya dan adat resam mereka melalui aktiviti kemasyarakatan pula, rakyat dapat bekerjasama menjayakan sesuatu program. Dengan adanya perpaduan kaum, kestabilan politik negara pasti dapat dijamin, seterusnya menjana kesejahteraan negara.

Di samping itu, sebagai seorang rakyat yang cinta akan negara perlulah sentiasa patriotik dan mensyukuri nikmat kemerdekaan serta kesejahteraan yang kita miliki. Kita haruslah berbangga dengan kejayaan yang telah dicapai oleh negara dan setiap bidang antaranya pengeluaran kereta nasional, pembinaan Menara Bekembar Petronas dan Menara Kuala Lumpur, pencapaian Aaron Chia dan Soh Wooi Yik telah memenangi pingat gangsa dalam arena Sukan Olimpik 2020 di Mushashino Sports Plaza, Tokyo pada 31 Julai lalu. Tambahan lagi, kita juga perlu bersyukur atas kemerdekaan yang telah diperjuangkan oleh negarawan tersohor dan mengambil tahu serba sedikit tentang sejarah negara. Hal ini dapat menyemarakkan semangat patriotisme rakyat, sekali gus mencuba sedaya upaya untuk membangunkan negara. Contohnya, mata pelajaran Bahasa Melayu dan Sejarah perlulah dikuasai sejak bangku sekolah. Mata pelajaran Bahasa Melayu mampu menonjolkan jati diri sebagai rakyat yang bangga akan bahasa sendiri manakala mata pelajaran Sejarah membolehkan rakyatat mengetahui Malaysia dengan lebih lanjut. Janganlah menganggap sejarah itu sebagai catatan kaku dan bisu yang tidak menyumbang apa-apa terhadap pembangunan negara. Rakyat juga boleh menyertai sambutan

kemerdekaan yang diadakan demi menghayati erti kemerdekaan yang sebenar. Sesungguhnya, jikalau setiap rakyat mengambil inisiatif untuk menyemai semangat patriotisme, kesejahteraan negara pasti terjamin.

Justeru itu, rakyat perlulah menumpukan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada raja dan negara. Sejarah telah membuktikan bahawa rakyat yang tidak taat setia akan mengakibatkan kedaulatan negara akan tergadai. Rakyat yang mengkhianati negara sendiri akan berdosa besar kerana pada hakikatnya golongan tersebut sanggup mengorbankan kedaulatan dan maruah demi kepentingan diri sendiri bagai “enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing”. Misalnya, semasa Melaka menghadapi serangan portugis pada tahun 1511, terdapat seorang pembelot bernama Si Kitol yang telah memberitahu pihak portugis tentang strategi peperangan Melaka. Akibatnya, pihak Portugis berjaya menjajah Melaka. Bayangkanlah sekiranya rakyat seperti Si Kitol berada di negara Malaysia, apakah yang akan terjadi? Sudah tentunya anasir-anasir negatif akan mempengaruhi minda generasi muda, seterusnya mengundang campur tangan kuasa lain. Oleh yang demikian, rakyat perlulah taat setia kepada raja dan negara. Antara tindakan yang mencerminkan ketaatan termasuklah sanggup mempertahankan negara apabila diserang musuh, tidak membocorkan rahsia kepada pihak luar, berdiri tegak semasa menyanyikan lagu kebangsaan dan lain-lain. Jelaslah bahawa taat setia rakyat yang tidak berbelah bahagi akan dapat menjamin kesejahteraan negara.

Disingkap dari perspektif lain pula, rakyat juga memainkan peranan untuk menyokong dasar-dasar yang telah digubal oleh kerajaan. Agenda komprehensif yang telah dirangka oleh kerajaan bertujuan untuk memacu negara ke arah kemajuan sehingga mencapai misi Wawasan 2030. Antara dasar terkini yang telah digubal termasuklah pembangunan untuk semua bagi mewujudkan ekonomi yang distruktur semula, progresif, berpaksikan ilmu dan bernilai tinggi dengan penyertaan masyarakat yang menyeluruh di semua peringkat, menangani jurang kekayaan dan pendapatan supaya rakyat yang ketinggalan dapat dibawa bersama dalam arus kemajuan negara, nasib mereka terbela dan keupayaan ekonomi mereka diperkasakan dan Negara bersatu, makmur dan bermaruah untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah seterusnya muncul sebagai paksi ekonomi Asia. Maka, sekiranya rakyat tidak memberi sokongan padu, sudah tentunya program-program seperti ini hanya akan menemu jalan kebuntuan. Malangnya, masih terdapat

segelintir rakyat yang gagal mengambil tahu dasar-dasar kerajaan ataupun bersikap mengutuk keberkasana dasar-dasar tersebut. Sikap seperti ini perlulah dikikis kerana akan mengancam hasrat kerajaan dan membantutkan pembangunan negara. Bidalan sering mengatakan bahawa, “bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana bemuafakat”. Rakyat seharusnya bekerjasama dengan pemimpin untuk memajukan negara. Contohnya, semasa berlakunya krisis ekonomi, rakyat harus menyahut seruan kerajaan untuk membeli barang buatan tempatan. Apabila kerajaan melancarkan kempen, rakyat harus melibatkan diri dalam aktiviti pengisian kempen secara aktif. Sehubungan dengan itu, sokongan rakyat yang padu dan penglibatan rakyat yang aktif dalam pembangunan negara akan menjamin kesejahteraan negara.

Konklusinya, terdapat pelbagai tanggungjawab rakyat Malaysia untuk menjamin kesejahteraan negara bagi merealisasikan tema Hari Kemerdekaan ini iaitu Malaysia Prihatin. Ia perlu disematkan dalam ingatan untuk rakyat negara ini mengukuhkan kembali asas perpaduan, keharmonian dan kesejahteraan rakyat Malaysia. Perkara yang paling penting ialah rakyat perlu berganding bahu dengan pihak kerajaan dan bersikap bagai aur dengan tebing, serta memegang prinsip bukit sama didaki, lurah sama dituruni untuk memastikan kemerdekaan dan kesejahteraan yang kita nikmati pada hari ini dapat diwarisi kepada generasi yang akan datang. Oleh itu, ayuh rakyat Malaysia, bangkitlah dari lena dan marilah kita berganding bahu, berpimpin tangan dalam merealisasikan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang telah diilhamkan semasa dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada bulan September 2020. Marilah kita memastikan mimpi menjadi realiti, janganlah patah kemudi, walaupun keringat telah tumpah di kaki, teruslah mengayuh ke pangkalan untuk bergelar negara maju di dunia ini.